

# Rajapaksa naik mahkamah

Beliau diarah hadir pada 1 Ogos berhubung petisyen mengaitkannya dengan krisis ekonomi

COLOMBO

**M**ahkamah Tinggi Sri Lanka mengeluarkan notis kepada bekas Presiden Gotabaya Rajapaksa yang mengarah beliau hadir ke mahkamah pada 1 Ogos untuk petisyen yang mengaitkannya dengan krisis ekonomi negara itu.

Seorang pegawai Mahkamah Tinggi yang enggan namanya didedahkan memberitahu *Mediacorp* bahawa notis itu dikeluarkan pada Rabu, berhubung sekurang-kurangnya satu petisyen yang difailkan terhadap anggota politik dan kakitangan awam, mendakwa mereka bertanggungjawab terhadap krisis ekonomi.

Salah seorang responden ialah Rajapaksa, yang melarikan diri dari negara itu awal bulan ini dengan menaiki pesawat tentera di tengah-tengah bantahan besar-besaran menuntut beliau meletak jawatan.

Bekas pemimpin itu kini berada di Singapura, di mana pas lawatan jangka pendeknya (STVP) diberi lanjutan 14 hari dan difahamkan berikutan pelanjutan itu, Rajapaksa boleh tinggal di negara ter-



Bekas Presiden Sri Lanka, Gotabaya Rajapaksa. - Agensi

sebut sehingga 11 Ogos.

Bekas Presiden itu meninggalkan Sri Lanka pada 13 Julai, selepas berlaku bantahan besar-besaran selama beberapa bulan, menyalahkan pemerintahnya atas krisis ekonomi terburuk yang melanda negara itu sejak kemerdekaan pada 1948.

Rakyat Sri Lanka semakin tertekan dengan kos sara hidup yang melambung tinggi, didorong oleh inflasi yang meningkat dan kekurangan pertukaran asing.

Negara itu secara rasmi gagal membuat pembayaran faedah hutang pada bulan Mei. Mata wang asingnya yang semakin berkurangan telah melumpuhkan ekonomi, mengganggu import dan menyebabkan kekurangan makanan, bahan api dan keperluan lain.

Rajapaksa menyerahkan surat peletakan jawatannya dari Singapura. Beliau digantikan oleh bekas Perdana Menteri Ranil Wickremesinghe, yang dipilih oleh ahli parlimen minggu lalu. - Agensi